

KGMMB dan Perjuangan Mendaulatkan Bahasa Melayu

Oleh:

Pena Pengarang

Tanggal 16 Mei 2009 merupakan tarikh bermakna bagi KGMMB. Ucapan perasmian Timbalan Perdana Menteri sememangnya dinanti-nanti. Warga pendidik menanti dengan penuh debaran kerana pada setiap tahun pelbagai berita baik diumumkan sempena sambutan Hari Guru. Pada tahun ini bukan sahaja makluman tentang ganjaran yang bakal diterima oleh para guru terutamanya PPPS, tetapi yang lebih menarik dan bermakna ialah pengumuman Timbalan Perdana Menteri tentang kedudukan bahasa Melayu.


Menurut beliau, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) kini dalam usaha memulih dan memartabatkan bahasa Melayu selaras dengan perlembagaan negara. Bahasa Melayu akan dimantapkan sebagai bahasa perpaduan dan bahasa ilmu. Untuk itu para guru akan dilatih di IPGM Kampus Bahasa Melayu. Dalam waktu yang sama bahasa Inggeris tidak diabaikan. KPM akan melatih para guru untuk meningkatkan penguasaan ilmu dan kemahiran dalam bahasa tersebut bagi tujuan mendidik anak bangsa.

Dalam hal ini KGMMB amat menyokong kenyataan tersebut. KGMMB amat konsisten dalam memartabatkan bahasa Melayu. Dalam isu PPSMI, KGMMB menetapkan pendirian tidak bersetuju dan menentang pelaksanaannya. Dasar PPSMI gagal meningkatkan pencapaian bahasa Inggeris, malah memberi kesan kepada pencapaian pelajar dalam Matematik dan Sains terutama pelajar Melayu. Namun dalam waktu yang sama KGMMB menyokong dasar kementerian untuk mewajibkan lulus bahasa Inggeris bagi melayakkan pelajar mendapatkan sijil SPM. Hal ini disuarakan oleh Tn. Hj. Mohamad Sabri Arsad (Presiden KGMMB) dalam Majlis Pemuafakatan Kementerian Pelajaran Malaysia. Bagi Presiden KGMMB, syarat tersebut merupakan suatu yang positif dan menjadi cabaran kepada anak-anak Melayu. Hal tersebut menjadi bukti bahawa KGMMB tidak menolak usaha kerajaan untuk meningkatkan pencapaian dan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar. KGMMB hanya tidak bersetuju dengan PPSMI.

Justeru apabila mana-mana pihak memaparkan dapatan hasil kajian tentang implikasi pelaksanaan PPSMI, KGMMB sentiasa memberikan sokongan dan berada bersama dalam usaha memaparkan implikasi PPSMI dan menyuarakan bantahan terhadap pelaksanaannya. Beberapa siri perjumpaan yang berkaitan isu tersebut telah dihadiri oleh wakil KGMMB. Baru-baru ini KGMMB telah menghantar 4 orang wakil yang terdiri daripada En. Roslan Saadon (Naib Presiden 1), En. Abdul Said Hussin (Penolong Setiausaha Agung 2), En. Amran Ghani (Penolong Bendahari) dan En. Fadzli (AJK N. Sembilan) untuk menyertai kolokium PPSMI di Bangunan UMNO Bahagian Shah Alam.

Kajian PEMBINA dengan jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan PPSMI membawa petaka berganda (*double jeopardy*) kepada murid-murid terutama mereka yang sederhana dan lemah dalam Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Kategori ini merupakan jumlah yang besar iaitu sekitar 75% dan PPSMI telah membunuh minat, semangat dan keghairahan pelajar untuk belajar Matematik dan Sains. PEMBINA berjaya membuktikan bahawa pencapaian pelajar semakin merosot dan merudum apabila berada di tahun yang lebih tinggi. Justeru PEMBINA mencadangkan agar PPSMI ditamatkan dan dikembalikan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik ke dalam Bahasa Melayu dari peringkat sekolah rendah hingga ke universiti. Dalam hal ini, KGMMB menyokong sepenuhnya cadangan tersebut dan berharap usaha tersebut membuahkan hasil sebagaimana yang diharap-harapkan.

Yang Mulia Prof. Diraja Ungku Aziz turut hadir merasmikan majlis dan menyampaikan ucap-tama



Wakil KGMMB sedang mendengar pembentangan kertas kerja di majlis Kolokium PPSMI